

07/05/2001

Korporat dirayu bantu Nabil

Ihsan Noorzali

ALOR STAR, Ahad - Kerajaan negeri meminta syarikat korporat tempatan membantu membiayai pengajian seorang pelajar cacat penglihatan, Nabil Mahathir, 14, ke institusi pengajian tinggi sama ada di dalam atau luar negara.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Islam negeri, Fadzil Hanafi, berkata pembiayaan itu boleh dibuat dengan menjadikan Nabil sebagai anak angkat syarikat swasta bagi memastikan pelajar pintar itu dapat melanjutkan pengajiannya ke peringkat lebih tinggi.

Beliau berkata, usaha untuk membantu Nabil akan dibincangkan di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertujuan membolehkan pelajar pintar yang hafal al-Quran dan memiliki Diploma Bahasa Arab dan Tahfiz al-Quran dari Universiti Antarabangsa Khartoum, Sudan, itu melanjutkan pengajiannya.

"Saya meminta syarikat swasta membantu menaja pengajian Nabil dengan menjadikannya sebagai anak angkat.

"Saya sendiri akan menjadikan Nabil sebagai anak angkat. Sudah sampai masanya bagi negara ini melahirkan lebih ramai penghafaz al-Quran dari kalangan insan cacat penglihatan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengunjungi Nabil di rumahnya di Taman Wira, Mergong di sini, hari ini.

Fadzil yang berkomunikasi dengan Nabil dengan menggunakan bahasa Arab, berkata beliau kagum dengan kemampuan Nabil menguasai bahasa Arab peringkat tinggi.

Selain itu, menguji kemampuan Nabil menghafal surah al-Baqarah, Fadzil meminta pelajar terbabit membaca al-Quran Braille yang diciptanya sendiri.

"Nabil mempunyai Diploma Bahasa Arab dan Tahfiz al-Quran dengan keputusan cemerlang 956/1000. Keputusan seumpama ini sukar diperolehi dalam pengajian Bahasa Arab.

"Allah menganugerahkan keistimewaan kepada Nabil dan ini menjadi aset penting kepada keluarganya dan negeri ini. Untuk menilai Nabil dari aspek kelayakan SPM adalah formaliti saja.

"Kita harus menilai kemampuannya kerana meskipun cacat penglihatan, beliau mampu menguasai ilmu dengan baik," katanya.

Kepintaran Nabil disiarkan akhbar ini Rabu lalu. Nabil bercita-cita melanjutkan pengajian di universiti tempatan kerana beliau tidak memiliki kelayakan minimum sekurang-kurangnya lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Nabil belajar selama dua tahun di Sudan mulai Ogos 1998 dan kembali ke Malaysia pada Disember 2000 dengan memperolehi keputusan tertinggi Diploma Bahasa Arab dan Tahfiz Al-Quran dan muncul pelajar terbaik.

Selain berhasrat melanjutkan pengajian di Institut Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman (Insaniah) di sini, Nabil juga bercita-cita melanjutkan pengajian dalam bidang Pengajian Bahasa Arab dan al-Quran di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Kini Nabil terpaksa belajar di tingkatan satu kelas pelajar normal dalam aliran agama di Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abdul Malik di sini, kerana tidak memiliki SPM.

(END)